

DOKUMENTASI SEJARAH LISAN
WAWANCARA BERSAMA
PUAN WAN HASMAH BINTI WAN SEMAIL
PENGUSAHA KEROPOK SEGERA



FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
18500 MACHANG, KELANTAN

OLEH :

MOHD MUBARAK BIN HAJI SAMSUDIN
MUHAMMAD ARIF BIN KAMARUDIN

TUGASAN KUMPULAN :
“Dokumentasi Sejarah Lisan”

Disediakan oleh:

MOHD MUBARAK BIN HAJI SAMSUDIN

(2011214062)

MUHAMMAD ARIF BIN KAMARUDIN

(2011436588)

(D11M225 5A)

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi Mara

18500 Machang, Kelantan.

23 DISEMBER 2013

PENGHARGAAN

“Dengan nama ALLAH Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang”

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya kami akhirnya dapat menyiapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa pelbagai kekangan yang terpaksa kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang melanda.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek IMR604 Oral Documentation (Pendokumentasian Lisan), Puan Kamariah Binti Chik yang telah mencurahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini.

Puan Wan Hasmah binti Wan Semail, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama, perkongsian ilmu dan pengalaman yang sangat bermakna yang diberikan kepada kami.

Akhir sekali kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan tunjuk ajar dan dorongan sepanjang proses menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	iii
Biodata Tokoh.....	v
Transkrip Bahagian A	1
Transkrip Bahagian B	10
Transkrip Bahagian C	19
Transkrip Bahagian D	45
Senarai Soalan.....	vi
Log Temubual	xxi
Indeks.....	xxi
Rujukan	xvii
Lampiran	xix
Surat Kebenaran	
Surat Perjanjian	
Gambar	

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini adalah di antara kami dengan Puan Wan Hasmah binti Wan Semail iaitu Pengusaha Keropok Segera di Kelantan. Wawancara ini dijalankan di rumah beliau yang beralamat di No. 1134, Jalan Tanjung Kuala, 16200 Tumpat, Kelantan. Sesi wawancara bersama Puan Wan Hasmah binti Wan Semail ini telah dijalankan pada hari Sabtu, 26 Oktober 2013 pada pukul 10.00 pagi. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Puan Wan Hasmah binti Wan Semail dan pengalaman beliau dalam perusahaan keropok segera di Kelantan. Selain itu, pelbagai pengalaman yang diperolehi oleh beliau ketika melibatkan diri dalam bidang perusahaan keropok segera ini. Ketika temuramah ini berlangsung, kami dapat mengetahui serba sedikit tentang cara dan perkembangan perusahaan yang diusahakan oleh Puan Wan Hasmah binti Wan Semail dari semasa ke semasa. Di samping itu juga temuramah ini dapat memberi serba sedikit gambaran tentang pengalaman yang dilalui oleh Puan Wan Hasmah binti Wan Semail sejak dari mula pembabitan beliau hingga sekarang.

Kata kunci: Puan Wan Hasmah binti Wan Semail, Mak Wan, berniaga, usahawan, tangkap ikan, Kelantan

BIODATA TOKOH

Biodata Tokoh



MAKLUMAT DIRI

Nama : Puan Wan Hasmah binti Wan Semail
Asal : Kampung Laut, Tumpat, Kelantan
Status : Sudah berkahwin
Anak : 12 orang (6 lelaki dan 6 perempuan)
Jawatan : Pengurus
Bidang : Perusahaan Keropok Segera

No. H/p : 017-9703272
No. Tel : 09-7256139
No. Fax : 09-7256139

Petunjuk

MM : Muhd Mubarak bin Haji Samsudin

WH : Wan Hasmah binti Wan Semail

Bahagian A: Latar Belakang Tokoh

MM : Assalamualaikum. Sekarang *ni* [ini] kita bersama dengan Puan Wan Hasmah binti Wan Semail di Tumpat. Jadi dia terlibat dalam bidang penjualan keropok.

MM : **Jadi, nama sebenar puan apa? Boleh puan cakap?**

WH : Wan Hasmah binti Wan Ismail.

MM : **Nama panggilan puan?**

WH : Mak Wan. Semua kawan perniagaan panggilan Mak Wan la.

MM : **Siapakah yang memberikan nama panggilan?**

WH : Tiada siapa la. Jadi Mak Wan panggil sendiri la. Orang muda dan tua pun semua panggil Mak Wan.

MM : **Puan lahir di mana?**

WH : Lahirnya dulu asal Kampung Laut la, sebelah Kota Bharu la. (bunyi kenderaan)

MM : **Kiranya di Tumpat juga la?**

WH : Ya. Tumpat juga la.

MM : **Nama bapa dan ibu puan?**

WH : Nama bapanya Wan Semail. Manakala nama emak Che Jenab.

MM : **Jadi puan mestilah sudah menikah bukan? Cerita sedikit pasal suami.**

WH : Pasal suami ke? Macam katalah Mak Wan *ni* [ini] suami Mak Wan *tu* [itu] *tak* [tidak] begitu pandai kan, cumanya tangkap ikan di laut sahaja la. Dia tangkap ikan sahaja la. Selepas *tu* [itu], dia meniaga zaman orang-orang tua hari itu, susah untuk mencari makan. Jadi apabila susah cari makan, terpaksa Mak Wan, anak dah ramai, mari hendak meniaga, hendak bekerja. Apabila dia buat kerja, tangkap-tangkap ikan, kita tengok ikan apa yang orang jual di kedai, jadi kita berasa seperti hendak meniaga la. Jadi *nak* [hendak] niaga *tu* [itu], Mak Wan katakanlah belajar la *sikit-sikit* [sedikit-sedikit] *niaga tu* [meniaga itu]. Jadi cumanya, tuhan bagi kita *tu* [itu] beli belah jadi cergas. Jadi apabila orang *nak* [hendak] jual-jual barang apa-apa kan, macam orang yang mahu berniaga dengan Mak Wan *tu* [itu], jadi maknanya Mak Wan cergas *sikit* [sedikit] congak-congak barang *tu* [itu]. Apabila barang *tu* [itu] kalau, katakanlah orang *nak* [hendak] jual dengan harga borong *tu* [itu], orang borong-borong, Mak Wan beli borong-borong. Jadi beli borong, kita jual timbang *tu* [itu], lainlah. Dapat untung yang kita borong la. Jadi kita beli timbang *tu*

[itu].

MM : **Nama suami?**

WH : Nama suami, Che Ku.

MM : **Jadi, ada lagi *tak* [tidak]?**

WH : *Tak ada dah* [sudah tiada]...Mati lima tahun lebih *dah* [sudah].

MM : **Kiranya dahulu kerja tangkap ikan la?**

WH : Tangkap ikan la. Suami Mak Wan tangkap ikan la. *Lepas tu* [Selepas itu], Mak Wan *ni* [ini] niaga ikan tu, katakanlah Mak Wan suka niaga banyak-banyak, *tak* [tidak] takut, niaga besar-besar la. Kita belajar-belajar semakin lama, semakin naik la. Jadi kita *tak* [tidak]- apa nama *ni* [ini] belajar tu, bukan kita jual *saja* [sahaja], sambil kita jual, sambil kita tengok mereka buat kerja. Di mana orang buat lebih-lebih, Mak Wan ikut.

MM : **Selepas tu, macam mana boleh jumpa dengan suami?**

WH : Tidak la, kita masing-masing budak sekolah. Kalau minta, jadi begitu la, kita menikah la, *tak ada* [tiada] payah apa la.

MM : **Orang tua atur ke?**

WH : Atur la. Orang tua atur. Masa dulu orang tua la aturnya.

MM : **Adik-beradik berapa sekarang? Dulu?**

WH : Mak Wan tiada adik-beradik seorang. Mak Wan seorang sahaja.

MM : **Tunggal la?**

WH : Ya, tunggal. Tiada adik-beradik.

MM : **Anak berapa?**

WH : Anak sahaja *dua belas* [12]. Ya, anak ramai. Bila kita seorang, tuhan beri anak ramai (bunyi kenderaan). *Lepas tu* [Selepas itu], tuhan pun bagi anak ramai sebab tuhan buat *tu* [itu] kita mampu.

MM : **Anak lelaki dengan perempuan berapa?**

WH : Sama banyak. *Enam* [6] lelaki, *enam* [6] perempuan. Sama banyak.

MM : **Cerita sedikit, seorang-seorang.**

WH : Cerita yang *niaga* [meniaga] la? Jadi Mak Wannya apabila kita *niaga tu* [itu] sampai ke tahun, sampai ke *ya* [ia] lah, duduk lebih kurang kita *niaga* [meniaga] di tempatan-tempatankan, macam katalah kita *niaga* [meniaga] tempat-tempat kita *ni* [ini], masa ada kemudahan, macam barang *tu* [itu] ada kemudahan, barang *tu* [itu] kita ada di tangan kita *tu* [itu], barang *tu* [itu], jadi kita boleh pegang dengan sesuai patutan kita jual, jadi maknanya kita boleh turut sebentar-sebentar sahaja la, turut kerana kalau barang tu kita apa nama *ni* [ini], jual *tu* [itu] padan la dengan kita jual rasa-rasa harga kita boleh pegang kan. Kalau la nampak *niaga* [meniaga] kurang dapatkan,

Mak Wan cari jalan pula ikut mana-mana, ikut orang la. Macam orang *tu* [itu] beli barang Mak Wan, orang *ni* [ini] buat pergi ke mana, orang *ni* [ini] buat pergi ke mana. Kalau_ dia beli barang ikut kita kata. Apabila ikut kita kata, dia buat pergi *tu* [itu], kita ikut dia. Lama-lama kita ikut dia. Ikut-ikut *tu* [itu] di Kuala Krai, pasaran Mak Wan. Mula kita tempatan jual di sini dahulu. *Lepas tu* [Selepas itu] ada tahun lebih kurang Mak Wan duduk jual di sekitar Kelantan *ni* [ini], di tempat kita *ni* [ini] ada lebih kurang *sepuluh* [10] tahun, selepas itu pergi Kuala Krai adalah *dua puluh* [20] tahun. Cari tempat jauh. Tempat yang lebih *sikit* [sedikit]. Pendapatan lebih *sikit* [sedikit] la.

MM : **Selepas itu, anak-anak sekarang ada yang belajar lagikah?**

WH : Eh. Sudah tiada.

MM : **Semua sudah menikah?**

WH : Ya. Semua sudah menikah.

MM : **Cuba cerita seorang-seorang.**

WH : Tapi anak-anak Mak Wan kan, apabila sekarang, Mak Wan---, masa duduk jual Kuala Krai *tak* [tidak] habis lagi cerita *tu* [itu]. Perlu beritahu cerita Kuala Krai *dulu* [dahulu]. *Lepas* [Selepas] jual sana, kita jual apa nama *ni* [ini] selepas kita berasa tidak larat, tua kan, kita balik, pusing, kita balik pula, kita buat keropok pula.

MM : **Kira dulu buat apa?**

WH : Dulu meniaga ikan.

MM : **Meniaga ikan sahaja?**

WH : *Niaga* [Meniaga] ikan. Orang *niaga* [meniaga] ikan di Kota Bharu banyak kan. Cuma Mak Wan *ni* [ini] lompat sikit. Perempuan *kot* [mungkin]. Tidak sama dengan orang lelaki. Perempuan lelaki. Kita lompat. Apabila kita tengok di mana tempat kelebihan, kita pun lompat pergi tempat *tu* [itu]. Perempuan tapi---

MM : **Cucu sekarang sudah berapa ramai?**

WH : Cucu- cucunya ramai la, oleh kerana anak ramai tu. Cucu ramai.

MM : **Jadi, Mak Wan boleh bawa kereta?**

WH : Ya. Boleh.

MM : **Bila dapat lesen itu?**

WH : Tahun *enam puluh* [1960]. Umur Mak Wan *enam puluh* [60] baru dapat lesen. *Enam puluh* [1960] baru Mak Wan ambil lesen. Kenapa jadi ambil tu, kita pakat _ _ _ _ _ pergi dengar orang mengajar di Kota Bharu, Tanah Merah, ada orang mengajar. Hantar kita selalu. Selepas itu, walau macam mana pun, kita nak [hendak] belajar kereta. Belajar-belajar *tu* [itu], *taukeh* [cikgu] kereta kata *tak* [tidak] mampu orang tua. Ada orang tua lain belajar *dua* [2] minggu saja, berhenti, dia kata. Mak Wan umur *enam puluh* [60] dia tidak mahu tengok

Mak Wan. Tidak mahu ajar. Padahal kita, pengalaman kita *duk jalan* [pergi jalan-jalan] Kota Bharu, Kuala Krai yang mana hari-hari, *empat* [4] kali, berapa kali sehari lompatkan, jadi kita pengalaman sudah ada. Sudah ada pengalaman, dia tidak mahu tengok Mak Wan. Mak Wan kata begini, apa- dia ajar Mak Wan, kalau Mak Wan tak lepas sebulan, Mak Wan belajar *tiga* [3] bulan, oleh sebab Mak Wan bayar, susah apa kata . Selepas itu, betul dia kata, dia duduk ajar-ajar , *tak* [tidak] sampai sebulan *dua* [2] tu, Mak Wan kata *nak test* [hendak periksa] *dah* [sudah], dia kata *nak test* [hendak periksa] *dah* [sudah] Mak Wan? Mak Wan *tak* [tidak] apa, ikut Mak Wan, dia kata. Pergi *test* [periksa] la. Pergi *test* [periksa] masuk tempat *transport* [kenderaan] sana, masuk dalam dewan sana, ramai orang muda *saja* [sahaja]. Dengan umur kita *enam puluh* [60], mana ada orang tua. Selepas pergi *tu* [itu], *test tu* [periksa itu] selama sehari *past* [lulus] *selalu* [terus]. *JPJ* [Jabatan Pengangkutan Jalan] masuk dalam dewan *tu* [itu], *bual lalu* [terus berbual]. Aku *tak* [tidak] kira orang tua pun, asal orang tua nampak mata. Asal orang tua nampak mata dia kata, orang lain dia kata *tiga* [3] kali mari *tak* [tidak] lepas lagi. *Dah tak* [Sudah tidak] lepas macam mana, oleh sebab naik bukit kita tarik brek, angkat tangan. Masuk penjuru, *tiga* [3] penjuru *tu* [itu], boleh jadi tiada apa-apa, masuk *parking* [tempat meletak kenderaan] *tu* [itu] betul pun, masuk *parking* [tempat meletak kenderaan] pun *tak* [tidak] kena apa-apa tiang. Dia kata___ jadi kita cergas, kita sudah ada, kita ada pengalaman. Dia tengok kita *gi* [pergi] Kota Bharu, hebat Mak Wan.___ boleh bawa pergi jumpa

macam yang tegur, tengok kita tu [itu]. Pasal kita cergas kita duduk jalan *dah* [sudah].

MM : Kiranya mula-mula itu jual ikan la?

WH : Mula-mula, kali pertama, kita *niaga* [meniaga] ikan dulu la. Selepas *niaga* [meniaga] ikan *tu* [itu], Mak Wan *niaga* [meniaga]. Orang perikanan, kakitangan kerajaan kan, oleh sebab dia minat *pada* [kepada] Mak Wan. Nampak Mak Wan pergi bayar lesen, orang perempuan. Tidak ada orang lelaki. Naik kita orang perempuan. Selepas itu, kita_ _ _ berani Mak Wan *nak* [hendak] tegak buat begini-begini. --- jadi kadang-kadang dia mari *kat* [dekat] Mak Wan, dia bagi pukut, dia bagi apa-apa. Pasalnya dia kata Mak Wan, kita *nak* [hendak] kongsi dengan Mak Wan. Orang perikanan, orang kerajaan. *Nak* [Hendak] kongsi dengan Mak Wan.

MM : Orang apa? Kerajaan? Dia bagi barang apa?

WH : Dia [orang kerajaan] bagi pukut. Jadi dia bagi semua kepada Mak Wan sebab dia *nak niaga* [hendak berniaga]. Dia kata *nak niaga* [hendak berniaga], *nak* [hendak] belajar dengan Mak Wan, *nak* [hendak] duduk rumah Mak Wan *dua* [2] minggu. Mari lah.

MM : Selepas itu, tempat kerja mula-mula di mana? Di sinilah?

WH : Ya. Sungai *ni* [ini] [sambil menunjuk arah]. Kalau Mak Wan, anak ada seorang yang menjadi cikgu *tu* [itu], kalau Mak Wan duduk di Kota Bharu, Mak Wan_ _ _ _ _.

MM : Kira-kira tahun berapakah meniaga ikan ini?

WH : Masa- ikan- tahun *enam lima* [1965]

MM : 1965. Sudah lama. Kiranya Mak Wan ikut orang, bukan minat atau apa? Atau memang minat?

WH : Minat. Kita ada asas. Ada asas kerana orang-orang kata kepada Mak Wan, Mak Wan, kita *nak* [hendak] berhutang duit dengan Mak Wan sedikit. Mak Wan keluarkan modal, dia kata. Kita tidak kira berapa-berapa pun, kita nak tolak kepada Mak Wan dengan harga *enam puluh lima* [65] sen. Jadi *enam puluh lima* [65] sen masa orang duduk pegang, semasa orang- sebelum orang ambil ni [ini], ikan tu [itu] turun rendah sangat. Rendah sangat, orang kata kepada Mak Wan. Eh Mak Wan, percaya ke *nak* [hendak] bagi modal kepada orang, buat kira ____. Selepas itu, Mak Wan kata, biarlah kita sama-sama tawakal dengan tuhan la, kuasa. Kalau ada rezeki kita, mesti barang *tu* [itu] mari kepada kita. Selepas itu takdirnya, Mak Wan pegang *enam puluh lima* [65] sen *tu* [itu] ikan [harga ikan], ikan naik *satu* [1] setengah. *Satu tiga* [RM1.30], *satu setengah* [RM1.50]. __ bagi *dua* [2] untung.

Tamat Bahagian A

Bahagian B : Sebelum Memulakan Perniagaan

MM : Selepas itu, modal. Mak Wan ambil modal dari mana sehingga boleh *start* [mula] meniaga jual keropok?

WH : Modal? Ia seperti Mak Wan kan, Mak Wan *ni* [ini] Mak Wan guna amanah. Amanah tetap, janji. Sama seperti yang dibawa dalam nabi-nabi kita. Bayar gaji orang pun selalu, apa perkara semua pun selalu. Janji lekat amanah. (Cucu Puan Hasmah datang menghampiri) Selepas itu, jadi, apa-apa perkara, siapa-siapa pun buat kerja, kalau kita pegang amanah betul kan, *Cina* [orang Cina] kan, *Cina* [orang Cina] yang jual dengan Mak Wan kan, *Cina* [orang Cina] sesama *Cina* [orang Cina], sesama mereka pun marah. Dia kata, Hei, kamu buat bagaimana kepada *Cina* [orang Cina] *tu* [itu]? Aku *nak* [hendak] mahal *sepuluh* [10] sen tidak bagi, dalam sen. Bukan seperti Cina, *sepuluh dua puluh* [10 20] sen sudah besar. Kita *sepuluh* [10] sen, dia kata dia hendak minta naik *dua puluh* [20] sen dengan Mak Wan, Mak Wan tidak mahu. Oleh sebab pegang amanah la. Janji tidak bohong. Orang *nak* [hendak] macam itu berniaga.

MM : Selepas itu, syarikat ini bila didaftarkan?

WH : Mak Wan ke? Macam Mak Wankan, Mak Wan *ni* [ini] kita buat-buat kerja *ni* [ini], orang tengok Mak Wan, orang perempuan sahaja-sampai orang kerajaan seperti perdagangan ke, perikanan. Jadi mereka mari semua ke tempat Mak Wan *ni* [ini] kerana nak tengok lori angkut keropok. Jadi tuhan bagi *laku* [untung]. Jadi *tu* [itu] Mak

Wan jadi anak angkat kerajaan la. Jadi begitulah.

MM : **Kiranya sudah berapa tahun meniaga keropok?**

WH : Tahun *lapan lima* [1985], sampai sekarang.

MM : **Selepas itu, lokasi perniagaan pada permulaan, *start* [mula] keropok di sini? Kiranya *time* [masa] mula-mula *start* [mula] tu, ada pengalaman *tak* [tidak] buat keropok?**

WH : Di sini lah. Jadi Mak Wan jual-jual ikan di Kuala Krai *tu* [itu] kan, jadi Mak Wan sudah buat keropok. Keropok lekor nombor *satu* [1]. Keropok lekor *tu* [itu] sebab begini, sekolah-sekolah *tu* [itu] suka makan keropok lekor, semua sekolah, Kuala Krai, Machang, semua ambil keropok Mak Wan la. Masa itu tidak ada orang buat lagi. Kali pertama Mak Wan, orang lain tidak buat lagi.

MM : ***Time* [masa] *tu* [itu] orang tidak buat lagi dekat sini? Selepas itu, kerajaan ada bantu apa-apa?**

WH : Ada. Setiap tahun ada. Tahun baru ini, dia bagi *dua ratus tiga puluh* [RM 230] ribu.

MM : **Pada mula-mula, *time start* [masa mula] *tu* [itu], dia bagi tidak?**

WH : Tidak ada. Mak Wan *sendiri* [modal sendiri]. Selepas kita naik-naik, dia bawa mari label *tu* [itu], dia bawa mari kawah, dia buat itu, dia bagi kain baju. Begitu lah.

MM : **Selepas itu, cabaran-cabaran ketika awal-awal meniaga?
Meniaga keropok.**

WH : Macam Mak Wan *ni* [ini] kan, macam Mak Wan berniaga *ni* [ini] boleh dikatakan sudah *nak* [hendak] jadi begini pada asalnya. Jadi tiada masalah. Tiada masalah meniaga. Macam kita buat keropok apa-apa pun, kita buat keropok pun semakin naik, semakin naik, sampai *Cina* [orang Cina] di Kuantan mari *angkut* [angkut keropok], lori bertan-tan.

MM : **Dia mari bawa lori mari ke sini la? Selepas itu, hendak mula itu, boleh cerita sedikit? Beli apa, selepas itu buat bagaimana, cerita dari awal la buat keropok.**

WH : Keropok ke? Dia macam buat keropok kan, Mak Wan begini- apabila kita buat keropok *tu* [itu], Mak Wan tengok berebut. Apabila sampai keropok Mak Wan hendak hantar ke kedai, macam kita kata, di sini ke tempat hendak ke stesen kereta api *tu* [itu] kan, orang sudah tunggu. Sudah senget van kita ulang-alik dengan keropok. Mahu buat di sekolah-sekolah, hendak goreng di sekolah-sekolah, berebut. Oleh sebab berebut, jadi apabila berebut, laku sangat, apa-apa kita tengok, dia duduk goreng depan kita *tu* [itu], semua orang makan kalut sangat. Jadi, apabila kalut sangat *tu* [itu], Mak Wan pun berfikir dalam kepala, kata aku *nak* [hendak] cuba segera pula. Tidak mahu buat goreng begini, aku *nak* [hendak] segera, *nak* [hendak] isi dalam plastik, plastik seperti sekarang la. Kita tidak jemur, kita goreng terus, segera kan. Jadi terus goreng segera *tu* [itu], laku-laku sampai

Cina [orang Cina] mari tunggu Mak Wan. Mak Wan tidak jual kepada *Cina* [orang Cina] dahulu. Mak Wan jual kepada orang-orang kita sahaja. Tidak cukup. *Cina* [orang Cina] marah la. Marah la sebab tidak mahu bagi. Selepas itu, Mak Wan boleh jual banyak ni [ini], setakat kita boleh. Katakanlah *dua puluh* [20] ribu, berapa puluh ribu, sempat lori ambil. Boleh kita pakai *tiga* [3] buah van sehari.

MM : **Kiranya, mula dahulu, keropok lekor? Paket ke?**

WH : Keropok lekor *tu* [itu] kita jual batang. Satu batang *tiga* [3] kilogram la.

MM : **Tidak goreng lagi? Resipinya mari dari mana?**

WH : Tidak lagi. Jadi, masing-masing orang beli, potong sendiri la. Buat cichan kan. Tidak ada resipi *tu* [itu]. Kita sama-sama fikir sendiri. Ikan, kanji, perasa, perasa keropok *tu* [itu]. Jadi kita pun buat begitu. Makan ok, tidak ada apa-apa la.

MM : **Siapa yang mendorong Mak Wan sehingga sampai ke tahap
begini?**

WH : Katakanlah sekarang-sekarang *ni* [ini] kan, jadi tidak ada. Katakanlah Mak Wan buat *ni* [ini], ia lah- kita kira, apabila kita kena usaha lah. Tidak ada siapa-siapa hendak beritahu kita apa-apa. Cuma kita usaha. Usaha apa, dalam segi apa yang kita pakai, kita tidak putus barang. Kita perlu adakan. Walaupun susah payah, kita kena iktiar ramai pekerja kita. Kamu pergi sebelah itu, aku pergi sebelah ini. Beli

barang, simpan barang. Barang sekarang susah. Minyak susah, diesel susah, apa-apa susah. Terkejar-kejar beli barang.

MM : **Selepas itu, *time* [masa] mula-mula tu, bilangan pekerja berapa?**

WH : Mula-mula? *Lima belas* [15] orang sampai *tiga puluh* [30 orang]. Sekarang *seratus* [100 orang] lah.

MM : **Selepas itu, gaji ok? Dulu berbeza *tak* [tidak] dengan sekarang?**

WH : Sekarang gaji kita semakin naik la. Dulu gaji murah, sekarang barang mahal, naik sikit la. Kita naik boleh sampai *lima puluh, enam puluh* [RM50, RM60] seorang la.

MM : **Kira hari ke? Atau bagaimana?**

WH : Hari. Gaji hari. *Tiga ribu enam ratus* [RM3600] sehari-hari kita bayar gaji. Kita kalau naik pula bulan *sebelas* [11] ni [ini], sempat pula *empat ribu* [RM4000].

MM : **Perempuan berapa? Lelaki berapa masa mula-mula niaga?**

WH : Lelakinya, banyak perempuan. Perempuan ada dalam *enam puluh* [60] orang, lelaki *empat puluh* [40] orang. Tapi banyak perempuan la. Yang kita jangka, perempuan *tujuh puluh* [70 orang], lelaki *tiga puluh* [30 orang] la. Lelaki ni *drebar* [pemandu], macam *drebar* [pemandu] kita, kita pakai *tiga* [3] orang la. *Tiga* [3] orang *drebar* [pemandu]. Selepas itu, pekerja-pekerja *isi* [paket keropok] ada dalam *tiga empat* [3 4] orang. Selepas itu, buat kerja *ikan* [proses

ikan] ada la dalam *tiga puluh* [30] orang.

MM : Keuntungan awal? Time mula-mula start niaga, untung berapa?

WH : Macam untung ke? Macam begini, sekarang *ni* [ini] Mak Wan modal dekat dengan *tujuh* [RM7000], *lapan belas* [RM18000] ribu sehari, modalnya. Jadi kalau *lapan belas* [RM18000] ribu sehari, adalah kita boleh dalam seribu untung, lebih kurang begitulah.

MM : Seribu sehari? Kalau dulu? Dulu berapa?

WH : Lebih lagi. Lebih lagi kita tidak tahu lagi sebenarnya. Tapi kalau seribu *tu* [itu] lebih lagi. Dulu, macam dulu, begitu lah. Boleh begitu lah. Tapi Mak Wan *ni* [ini], kerja ramai-ramai, kerja lebih kurang la katakan.

MM : Selepas itu, mula-mula *tu* [itu], cerita peralatan. *Time* [Masa] mula-mula buat keropok.

WH : Macam buat keropok? Mula-mula-. Lebih kurang begitu la. Tapi sekarang kita bekerja *ni* [ini], jadi kita kerja, seperti tolong orang la. Jadi apabila orang lain *nak* [hendak] bekerja, *nak* [hendak] ambik 30 orang tidak ada. *Nak* [Hendak] ambil *lima belas* [15] orang tidak ada. Takutnya. Kita *ni* [ini] tidak takut. Sebabnya kita pun gaji mahal. Kita tidak takut. Cuma kita kerja, kita tolong orang. Macam kita katalah. Tapi kita tolong orang pun, kita *ni* [ini] boleh bahagian kita. Dia jadi bermakna, suka la boleh kerja. Begitulah.

MM : Selepas itu, bagaimana dengan kualiti? Minyak? Masa mula-mula-

WH : Macam katalah kualiti, sebiji *tiga puluh lapan* [RM38000], Mak Wan ada *tujuh* [7] biji. Dapur sebenar yang rebus tu, *dua puluh empat* [24] biji.

MM : Kalau dulu pakai kawah ke atau bagaimana?

WH : Dulu? Dulu sebelum kerajaan *nak* [hendak] buat semua tidak pakai kayu, kita pakai kayu. Pakai dapur besar tu. *Sembilan* [9] biji sehari dengan kualiti besar. Sekarang buang habis. Pakai benda *ni* [ini] semua *dah* [sudah] la.

MM : Kalau dulu pakai gas ke bagaimana?

WH : Eh, kayu api. Penuh kayu, Mak Wan sewa tanah *kat tu* [dekat itu] [sambil tunjuk arah]. Itu murah sahaja sewa pun, *dua ratus* [RM200] setahun pun. Letak kayu penuh di situ *tu* [itu]. Pakai diesel.

MM : Susah tidak dulu?

WH : Jika dahulu, jadi hitam la.

MM : Kos beli itu, beli barang-barang yang dulu? Ingat lagi tidak? *Time* [Masa] mula-mula *nak* [hendak] start dulu.

WH : Beli barang macam semua-semua barang apa-apa la? Jadi sama sahaja. Mak Wan pun dulu, hari itu beli perkakasan apa-apa *tu* [itu], Cuma ikan, kanji sama sahaja tapi dulu murah. Sekarang mahal. Mula katakanlah *dua puluh lapan* [RM28] ringgit satu beg, *dua puluh lima*

[RM25] satu beg. Sekarang *empat puluh tujuh, lima puluh* [RM47, RM50] ringgit. Mahal sekarang.

MM : Pasa kayu dulu ingat tidak?

WH : Kayu? Kayu macam satu lori *tu* [itu] *seratus tiga puluh* [RM130] satu lori.

MM : Selepas itu, orang hantar ke?

WH : Orang hantar. Orang Rantau Panjang.

MM : Orang Rantau Panjang mari sini?

WH : Ya. Orang kerja, sama la dulu juga. Bahagian kayu, sekarang bahagian minyak.

MM : Selepas itu, dulu, kalau hujan, kayu bagaimana?

WH : Tidak susahlah. Mulanya, boleh juga buat kerjanya macam mana pun. Sekarang tidak susah *dah* [sudah] sebab tidak guna kayu.

MM : Mula-mula berapa lori dulu? Lori sendiri ke atau orang mari hantar ke atau bagaimana?

WH : Lori orang mari. Rantau Panjang. *Dua* [2] lori sehari.

MM : Dulu *dua* [2] lori sehari? Kira boleh berapa dulu kalau *dua* [2] lori sehari? Agak-agak?

WH : Tidak. Dia kerja macam dulu, kita buat tidak sama seperti sekarang. Kita buat tidak sama macam begini. Dulu *tujuh puluh, lima puluh* [70,50] keropak, masa kayu tu la. Sekarang kita boleh gaul seratus kali la.

MM : Kira mula-mula nak tahu keseluruhan kos yang dipakai. *Time* [Masa] mula-mula *nak* [hendak] *start* [mula] *tu* [itu], berapa ringgit digunakan untuk beli barang, pusing modal?

WH : Macam beli barang dulu-dulu, *sikit-sikit* [sedikit-sedikit] sahaja. Taraf ribu-ribu la. Tidak sama seperti sekarang. Sekarang *tujuh belas* [17] ribu.

MM : Mencecah sampai *tiga* [3] ribu?

WH : Ada. *Tiga* [3] ribu sehari mestilah.

MM : Selepas itu, *nak* [hendak] tahulah, macam mana boleh terfikir **Cap Pinggan menjadi jenama?**

WH : Cap Pinggan. Jadi Mak Wannya, duduk buat keropak, orang mari, goreng-goreng, angkat, letak dalam pinggan. Jadi Mak Wan kata, biarlah. Aku letak nama Cap Pinggan sahaja. Begitu sahaja la. Sebab selalu. (Anak Puan Wan Hasmah datang)

Tamat Bahagian B

Bahagian C : Perniagaan Pada Masa Sekarang

MM : Selepas itu, *time* [masa] mula-mula, berapa jenis keropok yang ada di sini?

WH : Mak Wan? Dia macam begini. Katakanlah mulanya ada *tiga* [3], lekor, segera, sira pedas. *Tiga* [3] itu sahaja. (Puan Wan Hasmah menyimpan barang)

MM : Selepas itu, bahan-bahan asas mengikut jenis keropok yang Mak Wan cerita tadi. Kalau keropok lekor *tu* [itu] bagaimana? Keropok keping bagaimana?

WH : Macam begini la. Katakanlah, kalau keropok lekor, kita buat, mesti *kena* [sesuai], sama sahaja bahannya. Sebabnya dia, kalau dia dengan segera, sama sahaja. Bahan dia sama sahaja. Cumanya segera *ni* [ini] kena gaul banyak. Segera *ni* [ini] kena goreng sikit, lekor kena banyak, oleh sebab lekor tidak rapuh banyak pun, sebab dia direbus juga, atur, isi dalam plastik, kalau lekor. Kalau segera *ni* [ini], kena sikit sebab dia berhalus sikit caranya. Kena hidang, kena apa-apa kan.

MM : Bahan asas *nak* [hendak] buat? Cerita sikit.

WH : Bahan dia ke? Bahan dia tidak ada la. Ikan, tapi Ajinomoto la. Perasa dia panggil. Ajino, gula, garam, begitu sahaja la.

MM : Kiranya, sekali *nak* [hendak] buat, berapa banyak bahan? Ingat *tak* [tidak]?

WH : Macam buat keropok? Macam kita kata, dia kena ada ukuran la. Macam kita kata, sudu-sudu begitu sahaja la.

MM : Kira sekali buat berapa sudu?

WH : Macam soda kita bubuh juga la.

MM : Selepas itu, jenis ikan pakai untuk ni [ini]-

WH : Macam ikan *ni* [ini] kita kata cumanya tidak boleh ikan yang berbau apa-apa la (bunyi kenderaan). Macam *Kembong* [ikan Kembong], *Selayang* [ikan Selayang], apa-apa semua boleh.

MM : Ikan apa?

WH : Ikan Kembong, *Selayang* [ikan Selayang], apa-apa semua boleh. Cumanya ikan sisik-sisik tidak la. Macam ikan Tambang boleh, buat kering boleh la. Segera tidak boleh la. Segera, dia tidak boleh ikan tulang-tulang banyak. *Tambang* [ikan Tambang] *tu* [itu] tulang banyak.

MM : Kiranya yang mari ke sini ikan la?

WH : *Selayang* [ikan Selayang], macam *Lolong* [ikan Lolong], boleh la.

MM : Banyak ke orang hantar?

WH : Ikan? Ikan *ni* [ini] macam dia kira, macam Mak Wan, ikan kena *tujuh*

puluh [70] tong sehari. *Tujuh puluh* [70] tong sehari kali dengan *empat puluh* [40] ikan. *Empat puluh* [40] kali *tujuh puluh* [70].

MM : Tong besar la?

WH : Tong empat puluh [40]. Isi *empat puluh* [40] kilo.

MM : Dari manakah ikan-ikan ini?

WH : Ikan? Ikan kita ada- macam ada kita pakai ikan kuantan. Ikan tempatan kita dan jauh sedikit *kat* [di] Thailand.

MM : Puan ada mengambil ikan dari Negara Thailand?

WH : Ada. Kalau *tak* [tidak] ada kena berhenti. *Tak* [tidak] boleh buat kerja. Pasaran *tak* [tidak] cukup. Pasaran---

MM : Adakah bekalan ikan di Malaysia tidak mencukupi?

WH : Hendak kata tiada. Ada.

MM : Adakah perbezaan yang ketara antara harga ikan Thailand dengan Malaysia?

WH : *Serupo* [serupa] *jah* [sahaja].

MM : Bukankah harga ikan di Thailand murah sedikit jika dibandingkan dengan Malaysia, atau bagaimana?

WH : Tidak. (Bunyi Motosikal)

MM : Bagaimana hendak tentukan kuantiti bahan mentah? Sebagai contoh hari ini perlukan berapa kilogram. Adakah pembelian dilakukan secara pukal dan disimpan?

WH : Macam-. *Ye* [ya] betul. Kita kena-. Macam Mak Wan kena dan mesti ada simpan la. Berwaspada la ada *ke* [atau] *takdok* [tiada] esok. *Kita* [Mak Wan] boleh buat. *Kita* [Mak Wan] ada *kurung* [simpan] la.

MM : Cuba Mak Wan ceritakan dengan lebih lanjut?

WH : Ada *kurung* [simpan] la. Macam *kita* [Mak Wan] kata. *Kita* [Mak Wan] *cade* [bercadang] ikan *tu* [itu]. Jikalau *kita* [Mak Wan] tengok keadaan *nak* [hendak] *tak* [tiada] dari *kelmarin* [semalam] lagi kan. *Kita* [Mak Wan] simpan la untuk kuantiti *dua* [2] *tiga* [3] hari. Macam kita katakanlah- *tujuh puluh* [70]. Mak Wan terpaksa ambil *dua ratus sepuluh* [210].

MM : Jadi Mak Wan akan ambil lebih banyak sedikit ikan daripada hari kebiasaan dan menyimpan stok ikan tersebut?

WH : *Hmmm* [Ya].

MM : Adakah pernah terjadi lori yang membawa stok tidak datang seperti yang dijanjikan?

WH : Kalau *dia* [lori ikan] *elok-elok* [seperti sediakala] jalan. Jalan *macam* [seperti] biasa la ikan.

MM : Adakah setiap hari berlakunya penghantaran ikan-ikan?

WH : Ada la. Ada *selalu* [sentiasa ada].

MM : Adakah pernah terjadi lori-lori yang membawa ikan terlepas dari jadual yang dijanjikan?

WH : *Iya* [ya]. Boleh dikatakan tidak pernah-. *Dia* [lori ikan] tidak akan tiada. *Dia* [lori ikan] mesti *jaga* [tepati janji] dengan Mak Wan.

MM : Jadi semua lori-lori akan menepati janji terutamanya dengan Mak Wan?

WH : *Sume-sume* [Semua-semua]. Orang mana-mana orang yang kerja dengan *kita* [Mak Wan] *tu* [itu]. Dia terpaksa, dia kena *ikot* [tetapi] janji. Mana ada yang Mok Wan *jaga* [berurusan] orang *hok* [yang] *pegang* [tepati janji] *tak* [tidak] tepati janji. Mereka terpaksa *mugo* [sebab] *kita* [Mak Wan] *ni* [ini] pakat *ore seru* [dikenali ramai]. _ _ _ .

MM : Dalam sehari, bolehkah puan nyatakan kuantiti dan kos ikan yang diperlukan?

WH : Seperti yang saya nyatakan tadi la. Seperti yang saya perkatakan. *Tujuh puluh* [70] tong *sehari* [satu hari].

MM : Bolehkah Puan ceritakan berapakah kos yang diperlukan bagi ikan?

WH : Kos macam mana?

MM : Berapa Ringgitkah yang diperlukan bagi ikan dalam masa sehari?

WH : Bukan berapa *riyal* [ringgit]. Ikan dikira *macam* [berdasarkan] harga-harga *setong* [satu tong]. (Bunyi deruman motosikal). Kalau *pakai* [guna] *tujuh puluh* [70] tong *sehari* [satu hari]. Kita *pakai* [guna] dalam *tujuh* [7]. Harga *dia* [ikan] sekitar harga *enam puluh* [60]. Ada *empat ribu* [4000] lebih sehari-sehari ikan. Macam *tu* [itu] la.

MM : Adakah kadar pengiraan dilakukan dalam kilogram?

WH : *Hmmm* [ya].

MM : Sehari berapa kilogram yang diguna pakai untuk ikan?

WH : *Ado* [ada]-setelah kita beli yang *tak* [tidak] potong lagi. *Tujuh puluh* [70] tong. Klu [Kalau] *tujuh puluh* [70] tong *kali* [x] *empat puluh* [40]

MM : Adakah *satu* [1] kilogram dikira empat puluh ringgit? Atau bagaimana?

WH : Tidak. - Dia macam katakanlah harga ikan. - Harga *setong* [satu tong] *tujuh puluh* [70] *riyal* [ringgit] atau *enam puluh* [60] *yal* [ringgit] *ko* [ke]. *Setong* [satu tong] kan. Tapi *dia* [ikan] ikan tu *kali* [x] dengan ---. Kita pakai berapa. *Tujuh puluh* [70] selalunya.

MM : Ikan akan dikira berdasarkan harga setong akan didarab dengan berapa tong yang diperlukan?

WH : *Haaahaaa* [ya].

MM : **Adakah harga ikan tetap atau naik turun?**

WH : *Haihh* [menyangkal].- Naik turun.

MM : **Jadi harga ikan tidak menentu?**

WH : Ya. *Tak* [tidak]-. Kadang-kadang naik- kadang-kadang turun. Dia seperti kita beli ikan pada hari biasa. Kadang-kadang *empat* [4] ringgit. Tiba-tiba *enam* [6] ringgit. Kadang-kadang *lapan* [8] ringgit. Macam *tu* [itu] la-. Untuk harga *Sekilo* [satu kilogram].

MM : **Adakah harga pukal lebih murah dan harga bagi beli seharian lebih mahal?**

WH : Pengusaha ikan akan kelaskan la-. Dia kelas kan. Katakanlah ikan yang dia dapat dari laut dia akan kelas kan terus mengikut beberapa kategori. Ikan keropok dan ikan kedai. *Haa* [ye] macam *tu* [itu]. (Bunyi perbualan).

MM : **Jadi yang memerlukan jumlah ikan yang banyak, pengusaha ikan akan asingkan terus sebelum menjual kepada Mak Wan?**

WH : *Haa* [ya].

MM : **Adakah Puan ada sasaran tertentu dalam sehari? Adakah berdasarkan berapa jumlah paket atau berapa jumlah lori?**

WH : Mesti ada, sudah tentu. *Haa yelah-yelah* [baiklah]. *Macam* [seperti]

katakanlah kalau kita *luo-luo* [sekarang] *ni* [ini]. Kita kena dan boleh buat dalam *dua puluh ribu* [20 000] sehari. Secara jelasnya *dua puluh ribu* [20 000] paket keropok.

MM : Dua puluh ribu paket dalam masa sehari?

WH : Ya, *dua puluh ribu* [20 000] ribu paket sehari. __.

MM : (bunyi kenderaan) Jadi lori akan datang untuk mengangkut keropok-keropok ini la?

WH : *Hmmm* [ya], lori mari ambil.

MM : Adakah lori tersebut kepunyaan Mak Wan ataupun kepunyaan orang lain?

WH : Tidak. Lori kepunyaan orang lain. Orang lain yang ingin membeli keropok.

MM : Adakah lori-lori yang mengambil keropok daripada Mak Wan datang dari sekitar negeri Kelantan atau sebaliknya?

WH : Datang *belaka* [semua]. Ikut *je* [sahaja] dari mana. Terengganu ke-kuantan ke-. Dari mana-mana sahaja datang *belaka* [semua].

MM : Adakah keropok yang dihasilkan perlu mencapai dua puluh ribu [20 000] sehari ataupun dibuat mengikut permintaan orang ramai?

WH : Tidak. Mak Wan memang kena buat semua. Maklumlah yang

membuat keropok kita seorang sahaja pembelinya ramai.

MM : Adakah permintaan terhadap keropok Mak Wan sentiasa ada dan tidak putus-putus orang membelinya?

WH : Tidak la macam *tu* [itu]. Pelanggan bertukar la-. Hari ni orang lain ambil. Esok orang lain pula yang ambil keropok. Haa macam *gitu* [itu] la.

MM : Adakah penjualan keropok ini bermusim? Ada ada musim-musim tertentu dimana permintaan keropok merundum?

WH : Haa. *Tu* [itu] ada. Situasi seperti itu ada. Macam kalau musim buah la. Permintaan terhadap keropok merundum sedikit. Apa-apa musim buah banyak serupa sahaja situasinya. Terutama musim buah durian. Ketika musim durian *menjadi* [banyak]. Penjualan keropok akan kurang *laku* [permintaan] *sikit* [sedikit].

MM : Mengapa boleh berlaku situasi sedemikian rupa?

WH : Biasalah-. Musim buah. Kalau *tak* [tidak] ada musim buah maka lancar la penjualan keropok. Haa macam *tu* [itu]. Musim buah. Biasalah orang nak makan buah setahun sekali. Tambahan pula buah banyak dan murah. Haa apa lagi makan la buah.

MM : Berapakah kilang yang dimiliki oleh Mak Wan?

WH : Tak ada dah. Satu *tu* [itu] *je* [sahaja] la. Kamu *dah* [sudah] pergi kan hari *tu* [itu].

MM : Berapakah jumlah kenderaan yang dimiliki oleh Mak Wan sekarang?

WH : Kenderaan yang Mak Wan ada-. Yang buat untuk kegunaan Mak Wan *tu* [itu] ada *dua* [2] buah *je* [sahaja] la. Macam ada hantar *kl* [kuala Lumpur] satu tempatan satu. Haa macam gitu [itu] la.

MM : Adakah lori tersebut bersaiz besar?

WH : Lori apa hmm- [cuba mengingati]. Berapa saiz Mok We *tak* [tidak] tahu. Lori tersebut dikira berdasarkan mampu membawa muatan berapa Tan. Macam *tu* [itu] la.

MM : Lori akan dikira berdasarkan Tan. Adakah Puan mempunyai Van untuk menjalankan perniagaan puan?

WH : Van? - *Tak* [tidak] ada. Lori *belaka* [semua].

MM : (bunyi kenderaan) Bolehkah Puan ceritakan dengan lebih lanjut mengenai jumlah sebenar pekerja Puan?

WH : Seperti yang saya perkatkan tadi la. Ada *seratus* [100] orang. Tapi akan sentiasa ada pekerja yang *mari* [datang]. Ada yang *tak* [tidak] *mari* [datang] - ada pekerja mengikut giliran. Kadang-kadang cukup. kadang-kadang tidak cukup. Ada juga yang sepatutnya bekerja *tapi* [tetapi] ponteng kerja.

- MM : Berdasarkan situasi yang berlaku, adakah puan membayar gaji mereka mengikut hari?
- WH : Ya, betul.
- MM : Saya terlihat bilangan pekerja perempuan begitu ramai di kilang Mak Wan, adakah pekerja perempuan lebih ramai dari pekerja lelaki?
- WH : *Hmm* [Ya]. Pekerja perempuan lebih ramai daripada pekerja lelaki.
- MM : Bolehkan puan ceritakan secara terperinci mengenai gaji berserta tugas yang diberikan kepada pekerja puan?
- WH : Dia katakanlah la macam pekerja Mak Wan kerja *kira* [mengikut] apa *dia* [tugasan]. Kerja isi plastik. Dia isi plastik la. Macam *lapan belas* [18] sen *satu* [1] plastik. *Satu* [1] bekas *tu* [itu] ada *tujuh puluh lima* [75] plastik dan *tu* [itu] akan dikira sebagai *seringggit lapan puluh sen* [RM 1.80]. Jika dia buat *tu* [itu]. Kita dapat la buat satu *tongkol* [beg] *tu*. Dia boleh la *harga seringggit lapan puluh sen* [RM1.80].
- MM : Sepanjang perniagaan puan, adakah puan menghadapi masalah sebagai contoh pekerja ponteng ke? Atau tidak datang terus untuk bekerja?
- WH : *Tak* [tidak] ada yang terkecuali-. Macam katakanlah yang *nak* [hendak] berhenti kerja. *Kalu* [kalau] la kata mereka tengah kerja-kerja dengan Mak Wan *tak* [tidak] kira la *kijo* [kerja] apa. Haa mereka akan

cakap dengan Mak Wan. “*Nak berhenti kerja dulu boleh tak? Tengah bulan ke berapa, baru saya nak kerja semula.*” (Mak Wan bermonolog mengenai situasi pekerjaanya yang ingin berhenti bekerja). *Ok* [baiklah] *molek* [bagus]. Boleh dan Mak Wan akan bagi. Selepas berhenti *dia* [pekerja Mak Wan] datang *pulak* [semula].

MM : Adakah ada pekerja yang tidak memaklumkan terlebih dahulu kepada Mak Wan untuk berhenti kerja? (bunyi deruman kenderaan)

WH : *Ehh* [menyangkal]. *Tak* [tidak] ada. *Tak* [tidak] ada yang duduk dalam Malaysia *ni* [ini]. *Tak* [tidak] ada orang yang *tak* [tidak] nak kerja dengan Mak Wan. *Tak* [tidak] ada. *Sume nya* [kesemuanya] kalau meraka *nak* [hendak] pergi mana pun pergilah. Pasal apa? Balik kampung *ni* [ini] semula. Mesti pekerja Mak Wan *nak* [hendak] kerja dengan Mak Wan semula.

MM : Adakah puan pernah mengenal pasti beberapa orang pekerja puan yang menunjukkan kesungguhan dan apakah bentuk ganjaran yang puan berikan kepada mereka?

WH : *Haa* [ya] semestinya. Mesti ada. Jika Mak Wan nampak seseorang pekerja *ni* [ini] rajin dan cergas dalam melakukan pekerjaan, buat macam tu macam *ni* ---.(bunyi kenderaan) (cucu Puan Hasmah mendekati Puan Hasmah)

MM : Kita bersambung semula, Jadi puan ada tertinggal beberapa jawapan, Boleh saya tahu asal suami puan?

WH : Haa [oh]. Dia asal tumpat. Hmm asal sini. Hahaha.(sambil ketawa)

MM : Adakah puan masih ingat tarikh spesifik, berapa hari bulan syarikat puan didaftarkan? Tarikh?

WH : Mak Wan. Hmm- Mak Wan tak [tidak] ingat. Pasal Mak Wan macam *ni* [ini]. Mak Wan kerja *ni* [ini]. Boleh kata kan. Mak Wan tidak pakai orang. Mak Wan tidak pakai orang seperti orang biasa bekerja. Mengurus ke apa macam tu macam *ni* [ini] apa-apa semua Mak Wan buat sendiri. Jadi tak [tidak] ada orang macam __ (bunyi deruman kereta) kata kerani ke apa ke tak [tidak] ada. Waktu dulu-dulu kan pakai kerani ke pakai __ orang tolong layan barang jualan kita ke apa ke. Tiada. Mak Wan kerja Mak Wan duduk buat kerja *ni* [ini] __. Meja pun cari sendiri, jual pun macam *tu* [itu] jugak. Tapi dulu semua orang kerja sini sebab dulu semua kerja dilakukan di sini. Dalam rumah Mak Wan. Siang ikan pun Mak Wan round [awasi], isi plastik [pembungkusan] pun Mak Wan round [awasi]. Apa-apa pun kita round [awasi] semua kita round [awasi] belaka [semua] sendiri. Disebabkan pada waktu itu tubuh masih kuat muda lagi waktu *tu* [itu]. Isi keropok pun kalau isi salah pun kita boleh ajarkan. Apa- semua la. Kita boleh *belaka* [semua]. (bunyi telefon bimbit bunyi plastik dan bunyi kenderaan)

MM : Adakah Mak Wan ada tugas atau pekerjaan yang ingin dilakukan pada hari ni?

WH : Ada orang Kuala Lumpur mari sini pada hari *ni* [ini].

MM : Perhargaan gaji lebih. Puan belum habiskan lagi. Terangkan?

WH : Ahhh [oh]. Macam gaji lebih? Macam gaji lebih *ni* [ini] kan. Kita tengok pekerja kerja *ke* [atau] *tak* [tidak]. Kita tengok budak-budak kerja *ni* [ini]. Ada sestengah laju *sikit* [sedikit] pada yang ada ramai *ni* [ini]. Kalau *dia* [pekerja] buat kerja laju dia akan diberi makan air pon boleh duit pun lebih. Haa kita bagi---. Macam dia nak pergi mana-mana ambil la *lima ringgit* [RM 5]. Kita [Mak Wan] bagi la minum air kalau dia kerja rajin.

MM : Lebih banyak mana itu?

WH : Seharian-seharian ada la dalam *sepuluh ringgit* [RM 10].

MM : Ohh lebih sedikit la daripada yang lain. Selepas itu adakah Mak Wan ada bercerita mengenai ketangkasan individu tersebut?

WH : Tak ada. Senyap macam *tu* [itu] sahaja.

MM : Adakah gaji mereka yang cemerlang ini lebih daripada pekerja yang lain?

WH : Tak adalah. Macam gaji dia jikalau gaji dia *lima puluh ringgit* [RM 50] kan. Jadi dia masih akan dapat lima puluh ringgit [RM50]. Tapi

duit air *tu* [itu] Mak Wan bagi Ia. Gaji dia *lima puluh* [50] *lima puluh* [50] Ia yang dia akan dapat.

MM : Adakah Mak Wan ada menyediakan KWSP [Kumpulan Wang Simpanan Pekerja] ataupun sokso [Skim Perlindungan Keselamatan Sosial] bagi pekerja-pekerja Mak Wan?

WH : Tak [tidak] pakai. Kita tak [tidak] pakai. Sebab kita *tak* [tidak] pakai *tu pasal* [sebab itu] pekerja Mak Wan kerja gaji hari. Selain daripada sebab ini mereka diberi gaji hari kerana pekerja seringkali masuk dan berhenti _ _ _ apa-apa semua berulang dan menyukarkan Mak Wan. Haa macam *tu* [itu].

MM : Mengenai lori kepunyaan Mak Wan. Adakah lori tersebut digunakan untuk proses penghantaran. Sebagai contoh, lori tersebut digunakan untuk menghantar ke tempat-tempat tertentu?

WH : *Tak* [tidak]. Kesemua barangan Mak Wan diambil oleh lori-lori bukan kepunyaan Mak Wan tapi ---.

MM : Jadi tiada langsung lori kepunyaan Mak Wan digunakan bagi proses penghantaran?

WH : Tiada.

- MM** : **Jadi kesemua lori-lori yang datang ke sini atas inisiatif sendiri? Jika inginkan keropok Mak Wan haruslah datang ke sini secara sendiri?**
- WH** : Jika *kita* [Mak Wan] buat penghantar pun ada orang datang jugak sini. Hahaha (Mak Wan Ketawa). Seperti lori yang datang ke sini kan. Dia tidak datang selalu seperti kebanyakan kilang yang kita lihat. Tidak. Katakanlah mereka ingin datang. Mereka akan menghubungi Mak Wan. Katakanlah sebulan sekali ke pengedar *nak* [hendak]. Haa Mak Wan bagi la pada lori *tu* [itu]. Jadi semua lori datang sendiri.
- MM** : **Adakah caj yang dikenakan kepada pengedar dikurangkan berbanding mereka yang lain?**
- WH** : *Iya?* [Mak Wan memohon penerangan soalan].
- MM** : **Adakah lori-lori pengedar mendapat harga keropok yang lebih murah berbanding dengan mereka yang lain?**
- WH** : *Tak* [tidak] ada. Dia kena serupa. Semua kena serupa. Dalam urusan berjual beli ni kita *tak* [tidak] boleh *lebih kurang* [tidak boleh ambil remeh]. Kena serupa.
- MM** : **Saya ada terlihat mesin (bunyi “tit”). Siapakah yang memberi idea untuk menggunakan mesin? Adakah hasil sumbangan orang ramai?**
- WH** : *Tak* [tidak] usaha Mak Wan sendiri *jah* [sahaja]. Masa sekarang *ni*

[ini] kita perlukan mesin. Dulu. Hari tu Mak Wan pakai kacip tangan *jah* [sahaja]. *Lapan* [8] inchi. Kacip tangan macam *tu* [itu] *je* [sahaja]. Apabila keropok banyak dan lancar kita pakai ramai pekerja. Dulu hanyalah *empat* [4] hingga *lima* [5] orang *saja* [sahaja].

MM : Bagaimanakah puan mendapatkan mesin tersebut?

WH : Mak Wan beli la. Ada orang buat mesin tersebut.

MM : Dari manakah Puan mendapatkan mesin-mesin tersebut? Adakah dari Kuala Lumpur?

WH : Pembuatnya orang Kota Bharu. Berbangsa cina.

MM : Bolehkah saya tahu harga mesin tersebut?

WH : Murah *je* [sahaja]. Harga kira-kira *dua* [2] hingga *tiga* [3] ribu ringgit sahaja. Ada yang bernilai *tiga* [3] ribu lebih pun ada. Satu.

MM : Berapa buakkah mesin yang diguna pakai oleh Mak Wan?

WH : Ada la dalam *sepuluh* [10] *sebelas* [11] *dua belas* [12] *cam* [macam] *tu* [itu] la.

MM : Boleh kah puan ceritakan proses pembuatan keropok secara lengkap bermula dengan mengambil ikan sampai ikan dipaketkan?

WH : Macam katakanlah, mula-mula *start* [mula] kerja pekerja perlulah menyang ikan terlebih dahulu. Selepas itu setelah semua ikan telah

disiang ikan tersebut perlulah dicuci. Setelah siap proses mencuci ikan. Ikan tersebut perlu dipastikan bersih. Lepas *tu* [itu] pekerja akan mesin ikan tersebut. Haha (Mak Wan ketawa) macam *tu* [itu] la. Lepas mesin-mesin ikan *tu* pekerja akan menongkol ikan *tu*. Setelah selesai menongkol ikan tersebut ikan *tu* [itu] di rebus atas dapur macam *tu* [itu] la.

MM : Bagi keropok sira. Adakah bahan akan diletak kemudian?

WH : *Tak* [tidak]. Keropok sira sekarang *ni* [ini]. Sira model baru *ni* [ini] dia sira keropok kering. Macam Mak Wan. Mak Wan akan beli keropok besut *tu* [itu]. Beli-beli yang Besut *tu* [itu] boleh goreng terus. *Tak* [tidak] buat la yang sira *tu* [itu]. Mak Wan pakai yang goreng segera.

MM : Selepas *tu*. Bagaimana dengan ramuan Keropok Sira *tu*?

WH : Serupa *je* [sahaja]. Pedas *jela* [sahaja la]. Keropok Sira cuma ditambah lada, lada colek, dan gula. Hahaha (sambil ketawa).

MM : Jadi hanya lada dan gula selepas *tu* bahan tersebut diletakkan atas keropok biasa?

WH : *Haa* [ya]. Keropok kering. Tapi sebelum *tu* dia goreng-goreng *dulu* [dahulu].

MM : Tapi saya nampak keropok sira ni macam nipis sedikit?

WH : *Haa* [ya]. Mesti dah. Keropok kering ni akan mengembang. Jadi dia akan jadi nipis *sikit* [sedikit].

MM : Selepas itu. Apakah langkah seterusnya selepas ini. Adakah puan bercadang untuk buat kilang baru. Ada tidak?

WH : Mak Wan? [Sambil mengerutkan muka]. Ehh [menyangkal] Mak Wan *tak* [tidak] dah. Sekarang *ni* [ini] *padan* [memadai] *dah* [sudah] kan. Lebih pada *padan* [memadai] dah. Pasalnya Mak Wan katakanlah kalau ada orang *nak* [hendak] ambil. Orang *nak* [hendak] buat apa pun biarlah. Tapi bukan sekarang. Biar pun semenjak orang lain *start* [mula] hari tu sampai sekarang *ni* [ini] kilang Mak Wan kan. Mak Wan buat-buat dan tengok berapa banyak orang buat tapi satu kilang yang Mak Wan saja yang ada nya orang lain *tak* [tidak] mampu.

MM : Berapa banyakkah negeri yang telah dijelajahi oleh Mak Wan? Maksud saya pemasaran keropok ini?

WH : Macam keropok Mak Wan *ni* [ini] dia Sabah Sarawak mana-mana pun ada *belaka* [semua]. Sampai *belaka* [semua].

MM : Jika diimbaz kembali. Pernahkah puan terfikir kejayaan akan yang dikecapi sekarang?

WH : Hahaha (sambil ketawa). Tak [tidak] ada la__ __ pasal Mak Wan pun katakan la. Kalau anak-anak *nak* main ke apa anak-anak ambil hak millik Mak Wan. Tak ada. *Tak nak* [dengan nada yang tegas]. Macam itu.

MM : Adakah Puan pernah terfikir untuk menambah produk lagi?

WH : Tak ada dah. Jual yang sedia ada tu *saja* [sahaja]. Jual yang segera dan lekor tu [itu] *saja* [sahaja].

MM : Adakah puan ada pesaing terdekat dalam industri keropok ini? Maksud saya mereka yang menjual keropok juga dan menjadi pesaing puan?

WH : *Aaah* [oh]. Orang jual keropok? Macam katakanlah orang nak tiru [meniru]. Orang nak *tiru* [meniru] apa-apa. Jika dia *nak* [hendak] tiru semua dia *tak* [tidak] boleh *tiru* [meniru]. Salah. Kalu dia *tiru* [meniru] *sekerat* [sedikit] nanti kerajaan tangkap pulak. *Tak leh* [tidak boleh]. *Tak leh* [Tidak boleh] tiru keropok Mak Wan. Dia kita kira mengguna pakai cop sekali hak milik kita hari tu [itu]. Pakai nombor tu [itu]. Orang lain *tak* [tidak] boleh *tiru* [meniru] dah. Salah.

MM : Saya ada terlihat sejenis keropok yang seakan akan keropok Puan? Apa komen Puan?

WH : *Dia* [pesaing] tiru dah. Dia tiru tu [itu] keropok Mak Wan. Mak Wan malas *nak* [hendak] *main* [bersaing] dengan dia. Malas *main* [bersaing] dengan dia. Dia buat *agak-agak* [seakan-akan] kan. Cap Piala. Cap Piala dia *naik* [naik iklan]. Tapi Mak Wan tengok dia buat macam-macam _ (bunyi kenderaan) gambar ke ape ke macam apa tu [cuba meneka]? Habis tampal *kat* [dekat] van-van dan lori. Dia buat belaka [semua]. Biar la dia buat. Kita *tak* [tidak] mahu ikut.

MM : Adakah Puan mengenali Pesaing Puan? Dia berasal dari mana?

WH : Dia orang- orang besut. Cuba kamu pergi dekat dia. Pergi dekat dia pulak. Pasal dia kan. Dia khianat. Dia khianat kepada Mak Wan. Dia tiru label [Mak Wan kelihatan sedih]. Kalau Mak Wan nak saman dia pun boleh. Tapi Mak Wan malas.

MM : Saya anggap persaingan adalah adat dalam perniagaan, namun secara umum bagaimana Puan nak mengatasi pesaing Mak Wan?

WH : Untuk atasi dia? Mak Wan *tak* [tidak] *nak* [hendak]. Apa pun pesaing nak buat untuk atasi diri kita biar lah. Kita pun tak larat nak [hendak] oooo ooo ---. Buang duit *je* [sahaja] pun semua *tu* [itu]. Baik kita hantar orang ke Mekah. Apa-apa ke. Kita habis sara orang. Kita *ngok ngek* [menyimpang untuk banyak perkara] banyak dah.

MM : Kenapakah puan tidak cuba mengatasi pesaing puan dengan menampal cop dan lambang Mak Wan di setiap lori-lori yang puan miliki?

WH : *Tak* [tidak] *nak* [hendak]. Hak kita. *Hok* [lori] dia *tu* [itu] kan orang mari bubuh keropok kita. Lori yang dia pakai tampal *tu* [itu] lah yang mari *punggah* [ambil] keropok kita. Hahahaha (Mak Wan Ketawa). Dia jadi macam *tu* [itu] pula. Kalau *tak* [tidak] percaya nanti tengok. Cuba tunggu dekat kilang Mak Wan. Kalau *nak* [hendak] tengok tunggu dalam masa sehari. Boleh la. *Dia* [lori] yang ada *tampal* [cap keropok lain] *tu* [itu] kan datang ke tempat Mak Wan. Yang tampal *tu*

[itu]. Hahaha (Mak Wan Ketawa). Apa la nak jadi. Hahaha (ketawa sinis dari Mak Wan)

MM : Adakah pesaing Mak Wan ini baru memulakan perniagaan?

WH : Ehh [tak]. Lama *dah* [sudah]. Tapi dia selalu *nak* [hendak] meniru. (ketawa kecil)

MM : Dengan situasi ekonomi sekarang yang meruncing ditambah pula dengan kenaikan harga minyak beserta kos-kos lain adakah puan terasa dengan kenaikan ini?

WH : Tak [tidak]. Mak Wan katakanlah. Buat masa sekarang. Baru *ni* [ini] kita dalam keadaan elok *dah* [sudah]. Tapi jika barang naik, kita akan naikkan juga harga barangan kita. Hal ini disebabkan apabila pembekal bahan mentah menaikkan harga bahan mentah. Mak Wan pun terpaksa menaikkan harga keropok. Tapi tiada masalah la bagi Mak Wan disebabkan *pengedar* [lori] pun akur dengan situasi yang berlaku sekarang. Macam katakan lah baru-baru *ni* [ini]. Dulu Mak Wan beli *enam puluh ringgit* [RM 60] sebeg gula. Hari *ni* [ini] *dah* [sudah] *enam puluh lapan ringgit* [RM 68]. *Enam puluh* [60] *tu* [itu] naik *jadi* [menjadi] *enam puluh lapan* [68]. Kalau orang kaya beli gula berguni-guni berkilo-kilo yang pikul *tu* [itu] *dulu* [dahulu] beli *seratus dua puluh ringgit* [RM120]. Hari *ni* [ini] *seratus tiga puluh tujuh* [RM 137] naik. Mak Wan berpendapat kerajaan ada berhadapan dengan masalah kewangan kerana dilihat kan seperti kerajaan tidak dapat menanggung keperluan harian rakyat. Hari *tu* [itu] barang Mak Wan

beli murah. Hari *ni* [ini] Mak Wan beli barang mahal secara mendadak. Tapi Mak Wan *tak* [tidak] terasa sangat. Peniaga seperti Mak Wan *tak* [tidak] terasa sangat dengan kenaikan ini. Mereka yang berniaga *tak* [tidak] susah. Tapi orang yang pendapatannya kecil teraniaya disebabkan kenaikan harga *ni* [ini]. Tapi bila dah kerajaan menaikkan harga. Kita terpaksa la menaikkan harga keropok kita disebabkan kita *guna* [menggunakan] barang mentah tersebut. Jika rakyat setempat membeli gula dengan harga *dua ringgit tujuh puluh sen* [RM 2.70]. *Dua ringgit lapan puluh sen* [RM 2.80] dan harga *dua ringgit lima puluh sen* [RM 2.50] tiba-tiba harga dinaikkan menjadi *tiga ringgit* [RM 3.00]. Orang *tu* [itu] la yang sakit nya. Mak Wan *tak* [tidak] apa. Jika pembekal naik kita naik dan jika pembekal menaikkan lagi harga maka kita terpaksa naikkankan juga selaras dengan pembekal.

MM : Adakah Puan terfikir untuk menaikkan harga keropok setelah mengalami kenaikan harga minyak dan gula baru-baru ini?

WH : Nak [hendak] naik. *Sepuluh* [10] sen *je* [sahaja]. Hey mesti naik.

MM : Sekarang ini berapa harga keropok yang dijual oleh Mak Wan?

WH : Sekarang *ni* [ini]? Harga sekarang *ni* [ini] harga kita jual *tiga puluh lima* [35] *empat puluh* [40] isi di dalam. Ada *empat puluh paket* [40] paket. Harga *tiga puluh lima ringgit* [Rm 35]. Mak Wan *nak* [hendak] naikkan lagi kepada *tiga puluh enam ringgit* [RM 36].

MM : Jikalau dijual dalam harga sepeket, adakah ditetapkan harga-harga yang tertentu?

WH : (Bunyi kenderaan) *tak* [tidak] ada. Mak Wan kira harga macam ini *je* [sahaja]. Jikalau katakanlah *nak* [hendak] jual paket-paket. Memang tiada tulisan harga di plastik. Jikalau penjual *nak* [hendak] jual harga *dua ringgit* [RM 2] ke *dua ringgit lapan puluh sen* [RM 2.80] itu hak penjual la. Itu hak mereka. Mak Wan hanya menjual harga sebeg keropok tu sekitar *tiga puluh lima ringgit* [RM 35].

MM : Adakah harga bagi sebeg tu mengikut jenis atau dikira bagaimana?

WH : Dia katakanlah kalau *seratus dua puluh* [120] gram lain kos dia. Bagi *lapan puluh* [80] gram harga dia lain lain. Mak Wan ada la buat *dua* [2] kelas bagi keropok Mak Wan *tu* [itu].

MM : Bagaimana dengan jenis keropok dan harga? Contohnya keropok sira.

WH : Dia serupa *je* [sahaja] harga *keropok kering* [keropok sira] dengan keropok segera. Dia serupa *je* [sahaja].

MM : Adakah puan puas dengan kejayaan yang dimiliki sekarang? Atau puan inginkan lebih lagi dari yang sedia ada?

WH : Tak [tidak]. Mak Wan *tak* [tidak] *nak* [hendak] *dah* [sudah]. Mak Wan turun ke anak-anak. Semua turun ke anak-anak. Anak Mak Wan nama

Siti Hawa duduk di *IKM* [Institut Kemajuan Mara Malaysia]. Yang kerajaan punya. Mak Wan bagi kepada dia satu. Perniagaan keropok lekor. Mak Wan *tak* [tidak] buat *dah* [sudah]. Bagi dia la. Yang Keropok sira ni [ini] (bunyi motosikal) Mak Wan bagi kepada anak lelaki Mak Wan. *Pastu* [selepas itu] keropok segera Mak Wan bagi kepada Razali yang kamu jumpa tadi. Mak Wan *tak* [tidak] *nak* [hendak] *dah* [sudah].

MM : Jadi ada tiga [3] tempat la yang Mak Wan bakal turunkan kepada anak-anak?

WH : Ya. Di sini keropok segera. Keropok lekor kt *IKM* [Institut Kemajuan Mara Malaysia]. Untuk anak bongsu iaitu Siti Hawa dan Mat Luki untuk keropok perencah sira.

MM : Jadi di kilang ini hanya membuat kerpok segera manakala untuk keropok sira dibuat di tempat lain?

WH : Ya. Keropok lekor dibuat di kerting. Tempat kerajaan bagi la. Kerajaan bagi.

MM : Adakah puan pernah mendapat bantuan sepanjang penglibatan dalam bidang perniagaan ini? Sebagai contoh daripada pihak kerajaan.

WH : Ada. Buat chalet apa. Semua kerajaan bagi. Anak Mak Wan dapat bantuan. Dia dapat kemudahan seperti mana Mak Wan dapat pada ketika ini.

- MM** : **Kebanyakan bantuan datang dari kerajaan pusat atau kerajaan negeri yang diberikan kepada Mak Wan?**
- WH** : Kerajaan pusat la yang biasa bagi bantuan. Bantuan dari kerajaan pusat bukanlah berbentuk wang tetapi dia lebih kepada bantuan barang-barang macam *signboard* [papan tanda] dan lain-lain.
- MM** : **Adakah pembinaan kilang puan dibantu oleh kerajaan?**
- WH** : *Tak* [tidak]. Pembinaan kilang adalah daripada hasil usaha Mak Wan sendiri la.
- MM** : **Bagaimana dengan kos pembinaan kilang. Adakah Mak Wan masih ingat?**
- WH** : Mak Wan fikir ada la dalam *dua ratus ribu* [200] lebih. Kos itu termasuk sekali barang dalam kilang.
- MM** : **Berapa tingkat kilang Mak Wan?**
- WH** : *Dua* [2] tingkat *je* [sahaja].
- MM** : **Bolehkan Puan ceritakan sedikit kemudahan-kemudahan lain yang disediakan di kilang Mak Wan?**
- WH** : Tempat bilik sembahyang ada belaka. Tempat mesyuarat ada. Tempat bincang-bincang di luar pun ada.

Tamat Bahagian C

Bahagian D: Pencapaian dan Sumbangan

MM : Apakah detik-detik manis yang puan pernah ada sepanjang bidang ni?

WH : Macam bagi Mak Wan *ni* [ini] la. Kira tidak terkata. Memang banyak, kalau yang Tuhan beri *tu* [itu] pun ada jugak la. Tapi katakanlah Mak Wan *ni* [ini] kerja nya. Kita suka buat kerja apa-apa pun. Kita suka tolong orang. Macam dalam beberapa tahun ni [ini] Mak Wan ada bagi *dua ratus ribu ringgit* [RM 200]. Hantar _ _ mekah. Dalam tempoh *tu* [itu] juga Mak Wan ada bagi dia duit. Mak Wan pilih la tengok orang *tu* [itu] macam mana. Orang yang mana kita tengok boleh hantar la, macam pekerja kita, macam anak-anak kita dan orang-orang lain juga la. Jadi jika Mak Wan rasa dah *tak* [tidak] mampu *dah* [sudah] kan Mak Wan akan berhenti la. Mak Wan masih lagi mampu bertahan walaupun apa yang berlaku hingga saat ini.

MM : Jadi mampu menghantar orang ke mekah merupakan satu detik manis bagi puan?

WH : *Haa* [ya]. Pergi ke mekah. Kita ada duit. Kita *nak* [hendak] jalinkan persaudaraan _ _ _ tidak ada masalah bagi Mak Wan. Hahaha (Mak Wan Ketawa).

MM : Saya dapati bahawa Mak Wan merupakan salah seorang usahawan yang berjaya, jadi apakah nasihat kepada peniaga-peniaga yang ingin menceburkan diri di luar sana untuk berniaga, terutama bagi golongan Bumiputera?

WH : Mak Wan *ni* [ini] katakanlah kepada mereka yang ingin mula berniaga dan berdekatan dengan Mak Wan jika mereka kesempitan modal atau apa-apa sumber. Mak Wan sedia menghulurkan sedikit modal untuk memulakan perniagaan. Mak Wan akan bagi. Tapi Mak Wan lebih suka untuk membantu mereka yang mempunyai perniagaan yang besar, kita tahu dia berkemampuan untuk melangkah jauh. Jika mereka yang baru menceburkan diri secara kecil-kecilan ini banyak pengalaman perlu dicurah untuk membolehkan perniagaan berjalan dengan lancar. Setakat ini boleh dikatakan semua anak-anak Mak Wan walaupun cucu Mak Wan boleh melakukan *kerja* [bidang perniagaan]. (deruman enjin lori) Anak-anak Mak Wan pun yang mana kurang berpendapatan pun boleh makan hasil dari titik peluh Mak Wan dan mampu bekerja.

MM : Adakah sebarang rahsia atas kejayaan yang dimiliki oleh Mak Wan?

WH : Macam katakanlah Mak Wan. Untuk anak-anak Mak Wan. Mak Wan akan sentiasa memberi sokongan dan tolong mereka. Macam kata orang-orang luar ke apa *tu* [itu] jika dia mintak pertolongan kepada Mak Wan mengenai apa-apa benda sekalipun maka dia datang bukan

dengan sia-sia. Kalau orang mana-mana minta pertolongan Mak Wan. Mak Wan akan cuba membantu sekadar kemampuan Mak Wan.

MM : Adakah ada sesetengah pihak bila Mak Wan sudah berjaya baru mereka ingin buka mata mereka terhadap Mak Wan dan sebelum ini mereka seperti tidak endahkan Mak Wan?

WH : Tiada. Tiada siapa pun datang membantu Mak Wan malahan ada sesetengah orang yang sanggup mengkhianati Mak Wan.

MM : Mengkhianati Mak Wan bagaimana? Cuba ceritakan sedikit.

WH : Macam orang khinat *kat* [pada] kita. (Deruman lori) contohnya orang mengata *kat* [dekat] kita. Tanah Mak Wan beli *tu* [itu] ada orang *tak* [tidak] *nak* [hendak] alih. Orang *tak* [tidak] *nak* [hendak] alih ke apa *tak* [tidak] apa. Tapi bila kita *duk* [duduk] waktu tanah kita kalau *bunyi* [kedengaran] hak milik kerajaan *nak* [hendak] buat apa-apa macam *nak* [hendak] rombak ke. Orang-orang *ni* [ini] mula dah khianat cakap tempat Mak Wan *ni* [ini] kena rombak la apa la. Mereka suka kalau tanah Mak Wan kena rombak. Eh eh khinat kat Mak Wan tapi *tak* [tidak] rombak pun sebab kita *duk* [duduk] dengan Allah. Allah *tak* [tidak] rombak. Tak [tidak] boleh rombok ada orang lain menolong. Hahaha (sambil ketawa).

MM : Walaupun bangunan sudah disiapkan ada yang masih nak ambil tanah Mak Wan?

WH : Ada. Katakanlah Mak Wan buat keropok, dia *nak* [hendak] *rebah*

[jatuhkan] kan kita macam __ __ __. Kita *tak* [tidak] suka buat macam *tu* [itu]. Kita suka kalau orang lain *nak* [hendak] buat besar. Orang lain *nak* [hendak] naik ke buat apa ke hari ape ke buatlah. Kita *tak* [tidak] suka khianat orang. Katakanlah orang khinat kita. Mak Wan keropok ehmm macam-macam. Macam-macam khianat sebab kita berjaya. Dia bubuh dalam bekas kita pun ada. Tapinya kita kata semuanya ada hikmah *tu* [itu] (bunyi kereta) tapi kita tidak ada jejas pun kerana nya Allah itu ada.

MM : Adakah puan ada terlibat dengan mana-mana expo untuk mempromosikan produk puan? Ekspo keusahawanan misalnya.

WH : Macam katakanlah. Macam Mak Wan sendiri. Mak Wan *tak* [tidak] *nak* [hendak] *dah* [sudah]. Kalau *nak* [hendak] buat macam *tu* [itu] kan biasanya orang kerajaan yang akan datang. Itu pun anak-anak Mak Wan uruskan. Tapi orang kerajaan pun dia tengok layak atau *tak* [tidak] layak. Anak Mak Wan ada yang layak seorang tapi dia payah kawal emosi pula. Orang yang *tak* [tidak] boleh kawal emosi *ni* [ini] dia *tak* [tidak] boleh. Dia kena orang yang pandai bijak. Kita kena *alah*[peka] dan merendah diri dengan orang.(deruman kenderaan)

MM : Bagi urusan tempahan dengan lori. Adakah Mak Wan masih uruskan sendiri atau pun Mak Wan telah serahkan sepenuhnya kepada anak puan?

WH : Keropok ke? Ehh *tak* [tidak]. Dia macam *ni* [ini], kalau dia *nak* [hendak] hari *ni* [ini] atau esok dia cakap la kepada Mak Wan. "Mak

Wan kita *nak* [hendak] hari apa-apa boleh *tak* [tidak]? *nak* [hendak] ambil keropok ?” (Sambil bermonolog). Mak Wan cakap la hari apa-apa. Berapa ribu *nak* [hendak]? *Lapan* [8] ribu ke *sepuluh* [10] ribu ke ikut la __.

MM : Jadi Mak Wan masih terlibat la sehingga sekarang?

WH : Sebab pengedar *tu* [itu] masih *tak* [tidak] biasa lagi dengan anak kita. Orang asyik panggil kita jugak. *Tak* [tidak] sedap la sebab *gurantee* [pengesahan] *ni* [ini] bukan perkara mainan. Dia anak kita *ni* [ini] *tak* [tidak] pandai *ejas* [komunikasi] payah jugak. Dia x pandai *ejas* [komunikasi] macam mana? Kita kalau *nak* [hendak] jaga orang-orang *ni* [ini] jangan bagi orang tersekat atau tersangkut. Kita katakanlah esok *tu* [itu] belum tentu ada ke *tak* [tidak] ada. Jangan la esok. Bagi la lusa. Haa macam *tu* [itu]. Bagi orang dapat keropok pasal orang yang datang bukan dekat-dekat. Jauh-jauh. Orang *nak* [hendak] jadi *tak* [tidak] *nak* [hendak]. Pengedar cakap mereka *tak* [tidak] *nak* [hendak] cakap dengan orang lain. Dengan Mak Wan senang sedikit buat tempahan. Aku kata boleh maka boleh. Haha. Tentulah dia *nak* [hendak].

MM : Pernah tak ada salah perkiraan sehingga orang yang datang untuk mengambil keropok terpaksa pulang dengan tangan kosong?

WH : Ada *dulu* [dahulu]. Sebelum kita pakai kualiti *ni* [ini]. Kualiti *ni* [ini] *ok* [okay]. Masak cepat pun boleh sebab dia pakai (bunyi mototsikal) *tu*

[itu] kan. Kalau sebut kayu api dia ada *tak* [tidak] ada api nya. Kalau malas jadi lambat. Setelah ada penggoreng *ni* [ini] dia jadi cepat betul. Dia ada apa sebenarnya yang bagi jadi cepat.

MM : Jika diberikan kuasa untuk mengubah, apakah yang ingin diubah di Malaysia ni [ini] supaya golongan Bumiputera berjaya dalam perniagaan.

WH : Kita kata. Jadi cumanya. Serupa-serupa dengan Mak Wan buat dah. Kalau otak dia cerdik otak dia cergas dia boleh *nak* [hendak] tiru Mak Wan sebab yang ada dah. Boleh untuk anak-anak Mak Wan cumanya dia kena ada usaha sendiri. Jangan duduk kita *tak* [tidak] boleh membuang masa dengan borak-borak kosong. Kita kerja *ni* [ini] kena jaga orang *tu* [itu] betul-betul. Baru boleh kita *duk* [duduk] berehat sekejap. Kalau *tak* [tidak] jaga. *Tak* [tidak] sampai. *Tak* [tidak] ada *tak* [tidak] boleh langsung la. Kena jaga betul-betul barang jualan. Barang *ni* [ini] macam Mak Wan *tak* [tidak] dapat *nak* [hendak] jaga dah *tak* [tidak] apa la. Tapi anak-anak Mak Wan yang cergas *ni* [ini] kena jaga betul-betul. Terutaman yang *nak* [hendak] kerja *ni* [ini]. *Nak* [hendak] jaga macam mana? Barang *ni* [ini] kita kena ada *reserve* [simpanan] selalu seminggu sekali. Seminggu sekali barang *ni* [ini] biar ada selalu setakat seminggu. Minggu depan *tu* [itu] kito panggil orang cukup seminggu-seminggu. Kalau Mak Wan jaga sendiri *tak* [tidak] apa la. *Nak* [hendak] beli berapa-berapa esok lusa kita simpan apa. Beli ke apa ke *tak* [tidak] apa la sebab Mak Wan yang jaga. *Ni* [ini] yang anak Mak Wan yang kerja *ni* [ini] memang kena kira seminggu sekali. Kena

ada orang jaga.

MM : Adakah Mak Wan tidak menolong dua lagi tempat untuk anak Mak Wan?

WH : Ehh *tu* [itu]? *Tak* [tidak] dah. Anak Mak Wan *ni* [ini] dia macam *ni* [ini]. Anak- anak Mak Wan *ni* [ini] dia ambil yang Mak Wan dah. Dia uruskan semua. Jadi dengan orang sekali semua sekali termasuk dengan pembuatan keropok beserta sekali dengan pekerja Mak Wan bagi kepada dia. Jadi pasaran keropok pun dia ambil yang Mak Wan *dah* [sudah]. Kalau *nak* [hendak] berjual berapa-berapa pun atas dia semuanya termasuk urusan bawa bawa masuk lori _ _ . Haa sepenuhnya la. Yang sini *ni* [ni] *je* [sahaja] belum lagi. Yang sini yang keropok segera.

MM : Ada tak keratan akhbar yang menceritakn mengenai kejayaan Mak Wan atau apa-apa sahaja mengenai Mak Wan?

WH : Ada. Gambar yang *tu* [itu] yang *ni* [ini] ada masuk semua. Dulu orang Kuala Lumpur ada buat majalah gambar ada buku ada apa. Mulanya ada tapi telah diambil oleh orang lain, Hilang di ---. (bunyi lori)

MM : Pada pendapat Mak Wan kenapakah orang Melayu ketinggalan terutamanya dalam perniagaan?

WH : Macam Mak Wan. Mak Wan boleh atasi. Sebab kita orang tempatan. Katakanlah apa yang orang lain buat kita buat. Contohnya pelihara ikan hidup ke. Mempelihara dengan pakai enjin ke apa semua Mak

Wan buat. Macam dulu-dulu Mak Wan jual ikan. Kalau orang lain *nak* [hendak] dia kena beli dengan Mak Wan. Pasal Mak Wan *tak* [tidak] kedekut duit pada orang buat kerja. *Nak* [hendak] buat apa macam *nak* [hendak] beli moto ke *nak* [hendak] ____. Kerajaan suka sebab *tu* [itu] la. Kerajaan pun senang dengan cara Mak Wan. Mak Wan cuba bidang apa pun menjadi disebabkan Mak Wan *tak* [tidak] kedekut duit pada pekerja Mak Wan. Hehehehe __ (sambil ketawa).

MM : Perbezaan usahawan orang bukan Melayu dengan bukan Melayu?

WH : Orang bukan Melayu *ni* [ini] dia suka buat kelab dan persatuan. Dia buat kelab untuk bahagi pasaran masing masing dengan cara yang adil adil jadi *tak* [tidak] timbul perasaan dengki di sana sini. Orang Melayu kita *tak* [tidak] suka buat kelab. Rasa payah dan tak [tidak] perlu __ hahaha (sambil ketawa) dan perkara ini tidak bagi orang bukan Melayu. Seperti *pesen* [gaya] Mak Wan *ni* [ini] kan. Waktu Mak Wan berniaga orang kerajaan kata apa “Mak Wan *ni* [ini] nampak susah duduk rumah yang tiang pun entah kemana tapi boleh pegang orang sampai sebegitu rupa. Kita kongsi perniagaan *ni* [ini] berdua eh” (sambil bermonolog). Dia kata *mace* [macam] *tu* [itu]. Masa *tu* [itu] dia orang yang berpangkat tapi Mak Wan *tak* [tidak] *nak* [hendak] hahaha. Dia pun cakap “biar la Mak Wan *tak* [tidak] *nak* [hendak] kongsi pun. Kita tetap *nak* [hendak] bagi atap kepada Mak Wan” (Mak Wan bermonolog). Dia duduk hampir dua minggu di sini. Orang dia datang duduk dekat rumah *ni* [ini]. Pasal dia tahu Mak Wan *ni* [ini]

hmm---. Pulau Seratus, Pulau Tokan atau Pulau man-mana pun Mak Wan *pegang* [kuasai] semua.

MM : Mak Wan ada masuk apa-apa Persatuan contohnya Usahwan Keropok ke?

WH : Entah la. Rasanya mereka dah jadikan Mak Wan sebagai usahawan dah [sudah].

MM : Jadi ada tak puan menerima tawaran untuk menganggotai mana-mana persatuan di sini?

WH : Mereka ada ajak-ajak tapi disebabkan Mak Wan *ni* [ini] tidak bersekolah. Mak Wan *tak* [tidak] sanggup la. *Tak* [tidak] jadi. Cuma Tuhan yang bagi pandai apa-apa benda boleh jawab dalam kepala otak. Boleh macam-macam _ _ _.

MM : Jadi pendidikan sahaja tidak mencukupi dalam bidang perniagaan?

WH : *Haa* [ye], macam *tu* [itu]. Pakai dalam otak. Kalau Mak Wan. Mak Wan *nak* [hendak] pesan kepada orang yang belajar *ni* [ini]. Berhenti la bergantung dengan kalkulator *tu* [itu] sebab waktu mereka tengah picit *tu* [itu] “haa dapat dah jawapan” (Mak Wan bermonolog tentang kepantasan dia dalam mencongak) Mak Wan dah lama dah dapat jawapan. Jadi jangan la sentiasa bergantung kepada mesin kira-kira.

Tamat Bahagian D

Senarai Soalan

Senarai Soalan

Bahagian A: Latar Belakang

1. Apakah nama sebenar puan?
2. Apakah nama panggilan puan?
3. Bilakah puan dilahirkan?
4. Di manakah puan dilahirkan?
5. Apakah nama bapa & ibu puan?
6. Jadi, semestinya puan sudah berkahwin?
7. Adakah puan masih mempunyai suami?
8. Apakah nama suami puan?
9. Berapakah umur suami puan?
10. Tempat asal suami puan?
11. Apakah pekerjaan suami puan?
12. Bagaimanakah kasih bertaut antara puan & suami?
13. Berapakah bilangan adik-beradik puan?
14. Puan anak ke berapa dalam keluarga?
15. Di manakah adik-beradik puan sekarang?
16. Berapakah bilangan anak puan?
17. Bilangan anak lelaki & perempuan?
18. Apakah status anak-anak puan?
19. Apakah taraf pendidikan anak-anak puan?
20. Adakah anak-anak sudah berkahwin?
21. Berapakah cucu-cucu puan?
22. Adakah puan boleh memandu kereta?
23. Bilakah puan mendapatkan lesen memandu?
24. Apakah taraf pendidikan puan?

LATAR BELAKANG BIDANG PEKERJAAN

Bahagian B : Sebelum Memulakan Perniagaan

25. Apakah bidang pekerjaan yang pertama puan lakukan?
26. Di manakah tempat pertama puan mula bekerja?
27. Bolehkah puan ceritakan pekerjaan yang puan pernah lakukan?
28. Bilakah puan mula terlibat dalam bidang ini?
29. Bagaimanakah puan boleh berminat menceburi bidang ini?
30. Adakah ini perniagaan warisan ataupun puan meminati bidang perniagaan?
31. Bolehkah puan ceritakan serba sedikit mengenai modal pada permulaan perniagaan ini?
32. Bilakah tarikh syarikat ini didaftarkan?
33. Berapa lamakah puan berkecimpung dalam bidang ini?
34. Di manakah lokasi awal perniagaan puan?
35. Adakah puan mempunyai pengalaman dalam bidang ini pada mulanya?
36. Adakah puan mendapat sebarang bantuan dari mana-mana pihak?
37. Apakah langkah awal puan untuk menjayakan bidang ini?
38. Apakah cabaran awal yang dihadapi di awal-awal perniagaan?
39. Pernahkah puan berasa berputus asa?
40. Siapa yang mendorong puan untuk terus terlibat dalam bidang ini?
41. Berapakah bilangan pekerja yang terlibat pada awal perniagaan ini?
42. Berapa orang lelaki dan perempuan?
43. Bagaimana dengan gaji mereka pada awal perniagaan puan?
44. Berapakah keuntungan awal yang puan peroleh?
45. Bolehkah puan ceritakan peralatan yang digunakan pada awal perniagaan ini?
46. Berapakah kos peralatan tersebut?
47. Apakah kenderaan pertama yang digunakan oleh puan untuk menjalankan perniagaan ini?
48. Berapakah keseluruhan kos yang diperlukan untuk memenuhi keperluan perniagaan ini pada mulanya?

49. Bagaimanakah puan terfikir untuk menjadikan cap pinggan sebagai jenama bagi produk puan?
50. Pada awalnya berapakah jenis keropok yang dijual oleh puan?

Bahagian C: Perniagaan Pada Masa Sekarang

51. Bolehkah puan ceritakan bahan-bahan asas yang digunakan untuk membuat keropok?
52. Bolehkah puan ceritakan jenis-jenis ikan yang digunakan oleh puan untuk menghasilkan keropok?
53. Darimanakah puan mendapatkan bahan mentah untuk membuat keropok-keropok?
54. Adakah bahan mentah perlu dibeli setiap hari?
55. Bagaimanakah puan menentukan kuantiti bahan mentah yang perlu dipakai?
56. Kuantiti dan kos untuk bahan mentah tersebut dalam sehari/seminggu?
57. Adakah puan mempunyai sasaran tertentu dalam masa sehari?
58. Dalam masa sehari berapa paket yang dapat dihasilkan?
59. Adakah terdapat musim yang tertentu dimana permintaan keropok tinggi?
60. Bolehkan puan ceritakan proses dari awal pembuatan hingga ke pembungkusan keropok?
61. Berapakah bilangan kilang yang dimiliki oleh puan?
62. Berapakah jumlah kenderaan yang diguna pakai sekarang untuk tujuan perniagaan?
63. Berapakah bilangan lori dan van yang dimiliki oleh puan?
64. Berapakah jumlah pekerja puan sekarang?
65. Berapakah pekerja lelaki dan perempuan?
66. Bagaimana dengan gaji mereka sekarang?
67. Adakah puan mempunyai masalah dengan pekerja?

68. Adakah puan ada memberi penghargaan kepada mereka yang menunjukkan prestasi yang baik?
69. Adakah proses penghantaran dilakukan oleh pihak kilang?
70. Bagaimana jika ada yang pergi terus ke kilang, adakah caj dikurangkan?
71. Saya ada terlihat mesin di kilang puan, bilakah puan mula menggunakan mesin?
72. Siapakah yang memberikan idea untuk menggunakan mesin tersebut?
73. Bagaimanakah puan mendapatkan mesin, adakah perlu ditempah?
74. Berapakah harga mesin tersebut?
75. Selepas melihat potensi dalam bidang ini, apakah langkah seterusnya yang puan lakukan(rancangan jangka pendek)?
76. Adakah puan pernah terfikir bahawa bidang ini akan berjaya seperti sekarang?
77. Pernahkan puan terfikir untuk mempelbagaikan produk lagi?
78. Apakah pesaing terdekat puan?
79. Apakah langkah untuk mengatasi pesaing puan?
80. Dengan kenaikan harga minyak, adakah kos untuk menghasilkan keropok ini meningkat?
81. Dengan kenaikan harga minyak juga, adakah puan terfikir untuk menaikkan kos?
82. Adakah puan puas dengan kejayaan yang ada sekarang?

Bahagian D : Pencapaian dan Sumbangan

83. Apakah pencapaian terbaik atau anugerah puan sepanjang berada dalam bidang ini?
84. Apakah detik-detik manis puan sepanjang berada dalam bidang ini?
85. Apakah nasihat puan kepada mereka yang ingin memulakan perniagaan, terutamanya bangsa Melayu dan Islam?
86. Apakah rahsia untuk menjadi usahawan yang Berjaya?
87. Apakah rancangan pada masa hadapan, rancangan jangka panjang?
88. Adakah puan ada menerima sebarang sumbangan dari mana-mana pihak, setelah melakar kejayaan ini?
89. Adakah puan ada terlibat dengan mana-mana ekspo?
90. Adakah puan ada menghadiri sebarang seminar keusahawanan?
91. Jika puan mempunyai kuasa untuk mengubah situasi, apakah yang puan ingin ubah dalam Malaysia sekarang, terutamanya kepada usahawan IKS ?

Log Temubual

Log Temubual

Masa	Perkara yang Dibincangkan	Nama/Tempat Dirujuk
00:36	Latar Belakang Tokoh	Wan Hasmah binti Wan Ismail.
00:40	Nama Panggilan	Mak Wan
01:00	Tempat Kelahiran Tokoh	Kampung Laut berdekatan Kota Bharu
01:08	Daerah Kelahiran Tokoh	Tumpat
01:18	Nama bapa dan ibu	Nama bapa tokoh Wan Semail. Manakala nama ibu tokoh Che Jenab
03:00	Nama Suami	Che Ku
06:45	Tempat mula menjalankan perniagaan	Kuala Krai
07:08	Tokoh mula nampak kelebihan berniaga di Kota Bharu	Kota Bharu
08:02	Tempat Tokoh belajar memandu	Kota Bharu dan Tanah Merah,
14:08	Tempat tokoh meluaskan perniagaan ikan	Kuala Krai dan Machang
16:23	Pengedar berbangsa cina mula membeli keropok Mak Wan dengan jumlah yang banyak	Pengedar berasal dari Kuantan
23:47	Tempat Tokoh membeli kayu untuk perniagaan.	Rantau Panjang
29:21	Tempat Tokoh mendapatkan ikan	Thailand, Kuantan dan ikan

		tempatan
51:37	Tokoh mempunyai perniagaan keropok lekor yang diwarisi untuk anak Bongsu.	Institut Kemahiran MARA Besut, Terengganu.

Indeks

Indeks

A

anak, 2, 5, 6, 7, 10, 12, 42, 48, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56

Anak, 4, 5, 22, 48, 49, 51, 53, 56

C

caj, 39

G

gaji, 11, 16, 17, 18, 33, 36, 37

gula, 23, 41, 45, 46

H

harga, 2, 5, 10, 25, 28, 29, 34, 39, 40, 45, 46, 47, 48

harga ikan, 10

I

ikan, 2, 3, 7, 9, 10, 13, 17, 19, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 35, 40, 57

IKM, 48

K

Kampung Laut, 2

kejayaan, 42, 48, 52, 57

Kerajaan, 10, 49, 57

Keropok sira, 41, 48

kilang, 32, 33, 38, 41, 42, 44, 49, 50

Kos, 19, 28, 50

L

lada, 41

lesen, 7, 8, 9

lori, 12, 14, 20, 21, 26, 27, 30, 31, 32, 38, 39, 43, 44, 45, 51, 52, 54, 56, 57

M

mekah, 50, 51

modal, 10, 11, 13, 17, 21, 51

N

nasihat, 51

O

orang Melayu, 57

P

pekerja, 16, 17, 33, 34, 35, 36, 37, 39, 40, 50, 56, 57

pesaing, 43, 44, 45

ponteng, 33, 34

proses pembuatan, 40

R

rahsia, 52

T

tahun, 3, 5, 10, 12, 13, 50

Tumpat, 1, 2

U

untung, 2, 10, 12, 17

W

Wan Hasmah binti Wan Ismail

Rujukan

Rujukan

MLA Citation

Wan Hasmah, Wan Semail. Tape recording interview. 26 Oct. 2013.

APA Citation

Cakapniaga: Keropok Ikan Segera. (n.d.). cakapniaga: Keropok Ikan Segera. Retrieved December 21, 2013, from <http://www.cakapniaga.com/p/keropok-ikan-segere.html>

IKM. (n.d.). ::Bahagian Pendidikan&Latihan (Kemahiran):: ::Bahagian Pendidikan&Latihan (Kemahiran):: Retrieved December 21, 2013, from <http://www.ikm.edu.my/utama.html>

KWSP. (n.d.). KWSP - Laman Utama - KWSP. KWSP - Laman Utama - KWSP. Retrieved December 21, 2013, from <http://www.kwsp.gov.my/portal/ms/web/kwsp/home>

SOCISO. (n.d.). Pertubuhan Keselamatan Sosial. Portal Rasmi. Retrieved December 21, 2013, from <http://www.perkeso.gov.my/>

Lampiran

Pejabat Timbalan Pengarah Kampus
(Hal Ehwal Akademik)
Campus Deputy Director Office
(Academic Affairs)

Universiti Teknologi MARA Kelantan

Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia
Website : <http://www.kelantan.uitm.edu.my>
Tel : (09) 976 2266 Faks : (09) 976 2156
Emel : tpheakln@kelantan.uitm.edu.my



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA
KELANTAN

Tarikh : 06 Oktober 2013
No. Fail : 100-KK(HEA 30/7/2)

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

<u>BIL</u>	<u>NAMA</u>	<u>NO. UiTM</u>
1.	MOHD MUBARAK BIN HAJI SAMSUDIN	2011214062
2.	MUHAMMAD ARIF BIN KAMARUDIN	2011436588


Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari **IJAZAH PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT**, Bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan matapelajaran yang mereka ikuti iaitu **oral documentation (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang dipertukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **MOHD MUBARAK BIN HAJI SAMSUDIN**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar


IMRAN BIN MOHAMED @ ISMAIL
Penolong Pendaftar Hal Ehwal Akademik
b/p : TIMBALAN REKTOR AKADEMIK



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Puan Wan Hasmah Binti Wan Semail

Pada 26 OCTOBER 2013

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:**

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (interviewee)

Puan Wan Hasmah Binti Wan Semail

Ketua Program

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA.

Lampiran



Rajah 1: Tokoh Menerima Cenderahati



Rajah 2 : Sijil Halal Yang Diperolehi Oleh Tokoh



Rajah 3 : Kilang Tokoh dari Pandangan Luar



Rajah 4 : Pekerja Tokoh Sedang Menyang Ikan



Rajah 5 : Antara Produk Yang Telah Dihasilkan oleh Tokoh